



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KES PEMBUNUHAN KANAK-KANAK OKU DI BAU, SARAWAK

Saya memandang serius berkenaan kes pembunuhan kanak-kanak Kurang Upaya (OKU) yang terjadi di Bau, Sarawak baru-baru ini dan dimaklumkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang menjalankan siasatan menyeluruh berkenaan kes ini.

Saya telah mengarahkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk menyantuni keluarga ini yang bersesuaian untuk pemeliharaan dan perlindungan berdasarkan Seksyen 17 Akta Kanak-kanak 2001.

Saya ingin menasihatkan orang ramai yang mengetahui tentang kes penderaan boleh terus menghubungi **Talian Kasih** di talian **15999** atau nombor WhatsApp **019-2615999** atau terus ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang terdekat bagi mendapatkan bantuan segera.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

6 JANUARI 2023